

AM > BERITA



MyGDX , Platform Perkongsian Maklumat Agensi Kerajaan Dilancar

Tarikh kemaskini: 15/01/2018



Pegawai Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) Shairunniza Sarkawi menunjukkan laman sesawang MyGDX pada Majlis Pelancaran Soft Launch Malaysian Government Central Data Exchange (MyGDX) hari ini. Majlis disempurnakan oleh Ketua Pengarah MAMPU Datuk Dr Mazlan Yusoff.

PUTRAJAYA, 15 Jan (Bernama) -- Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) memperkenalkan aplikasi MyGDX atau Malaysian Government Central Data Exchange iaitu platform perkongsian maklumat yang menyediakan perkhidmatan broker data untuk rujukan agensi.

Ketua Pengarah MAMPU Datuk Dr Mazlan Yusoff ketika melancarkan aplikasi ini di sini hari ini berkata MyGDX membolehkan maklumat diselaras dan dikongsi

merentasi agensi terlibat dengan lebih efisien, sekali gus melonjakkan penyampaian perkhidmatan awam ke tahap lebih tinggi.

Sebagai permulaan, MyGDX akan disertai sepuluh agensi kerajaan antaranya Jabatan Perkhidmatan Awam, Jabatan Pendaftaran Negara, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Majlis Peperiksaan Malaysia dan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional. katanva.

"MyGDX yang dibina menerusi penggabungan sumber dan pengintegrasian sistem merentasi sempadan agensi bukan sahaja dapat mengelakkan pertindihan dan pembaziran sumber, malah lebih penting adalah keberhasilannya dalam memudahkan rakyat semasa berurusan dengan agensi-agensi kerajaan," katanya.

Beliau berkata inisiatif itu selaras dengan hasrat menjadikan Malaysia sebuah negara maju, yang mana agensi awam bergerak sebagai satu pasukan dengan mengoptimimum sumber dan kepakaran untuk melakukan perubahan berimpak besar.

"Inisiatif ini juga menjadi pemangkin sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan yang lebih menyeluruh dan terangkum, menjadikan ia sangat efektif kerana data yang dibekalkan adalah daripada sumber yang sahih apabila agensi berkaitan saling berkongsi data dan melengkapi maklumat masing-masing," katanya.

Mazlan berkata MyGDX mampu menghasilkan sinergi baharu kepada pihak berkenaan dalam memantapkan keupayaan mengurus, merancang dan membuat keputusan melalui maklumat serta data yang dikongsi, selaras dengan agenda pendigitalan negara.

MyGDX akan diperluas kepada semua perkhidmatan kerajaan yang berpotensi supaya data daripada pelbagai agensi dapat dikongsi dan digunakan berasaskan sumber asal yang sah dan sahih, katanya.

-- BERNAMA

Berita Utama Terdahulu

Mangsa Banjir Di Dua Negeri Berkurangan Dasar Yang Diperkenal Kerajaan Memanfaatkan Rakyat
 Malaysia-Singapura Ulangi Komitmen Selesai Isu Berkaitan Pulau Batu Puteh Melalui ICJ

Berita Terkini Lain

Golongan Muda KDM Diseru Main Peranan Penting Pada PRU14- politik
 AirAsia BigPay Janji Penjimatan 4 Peratus Kos Perjalanan- ekonomi
 Kelantan Bergelut Atasi Persija Jakarta- sukan
 Antara Ketamakan Israel, Peranan Pbb Dan Kekuatan Umat Islam- rencana
 Thailand's Khao Khitchakut Mountain Opens For Pilgrimage- dunia

Berita Pilihan Tertinggi

Tengku Abdullah Murka, Tersinggung Tindakan Menghina Ayahanda Baginda
 Mangsa Banjir Di Dua Negeri Berkurangan PM Ucap Syabas Kejayaan Skuad B-23 Negara

▼ iklan

